



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
INDUSTRI KREATIF & SENI PERSEMBAHAN
SARAWAK

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN STATUS DAN LOKASI PREMIS PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI BAGI SMM2H

SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME



SARAWAK MAJU MAKMUR

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN STATUS DAN LOKASI PREMIS PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI BAGI PROGRAM MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H)

1.0 SYARAT PERMOHONAN

- 1.1 Garis Panduan ini adalah rujukan utama dalam pelaksanaan dan pengurusan Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H) bagi Permohonan Perubahan Status dan Lokasi Premis Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri, tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pelaksanaan adalah berasaskan Watikah Perwakilan Kuasa No. Ruj: MOTAC.600-2/1/60 JILID 5 (4) bertarikh 30 Oktober 2024, yang memberi perwakilan kuasa Pesuruhjaya Pelancongan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) untuk melaksanakan fungsi sebagai wakil Pesuruhjaya Pelancongan. (Selepas ini dirujuk sebagai "Setiausaha Tetap MTCP").

- 1.2 Permohonan perubahan maklumat syarikat yang menjalankan Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Bagi Program *Sarawak Malaysia My Second Home* (SMM2H) hendaklah mendapat kelulusan Setiausaha Tetap MTCP terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa perubahan seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 Peraturan 6(1)(b) dan 6(1)(c).

- 1.3 Perubahan maklumat syarikat adalah merujuk kepada perubahan yang melibatkan:

- a) Perubahan lokasi premis; atau/ dan
- b) Modal Berbayar/ Peratusan milikan saham; atau/ dan
- c) Perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham; atau/ dan
- d) Nama Syarikat.

2.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

2.1 Lesen Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan masih sah sekurang-kurangnya enam puluh (60) hari dari tarikh permohonan dikemukakan.

2.2 Syarikat:-

- a) tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482];
- b) tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap Syarikat;
- c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- d) tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM); dan tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan;
- e) tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan; dan
- f) tiada tunggakan pembayaran tuntutan menerusi jaminan bank.

2.3 Jaminan Bank sebanyak RM100,000.00 kekal dan tidak berkurangan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Bagi Program Sarawak Malaysia My Second Home (SMM2H).

2.4 Syarikat tidak mempunyai apa-apa permohonan lain dalam proses pertimbangan Setiausaha Tetap MTCP (contoh: pembaharuan lesen dan lain-lain). Permohonan syarikat ditangguhkan sehingga urusan berkaitan disempurnakan.

2.5 Syarikat perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

BIL.	PERKARA/JENIS PERUBAHAN	SYARAT PERMOHONAN
(a)	Perubahan Lokasi Premis	i. Lokasi/Kawasan komersial yang dilesenkan/dibenarkan oleh PBT; ii. Mempunyai salinan perjanjian sewaan atau salinan perjanjian jual beli premis; dan iii. Premis Ibu Pejabat/Cawangan hanya dibenarkan di kawasan bandar sahaja.

(b)	Modal berbayar/Peratusan milikan saham	i. Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan iaitu mininum RM100,000.00 dan pemilikan 100% warganegara Malaysia dan warga asal Sarawak bagi perubahan status melibatkan modal berbayar, pemegang saham atau pindah lokasi premis perniagaan; dan ii. Bagi syarikat yang membuat perubahan lokasi luar bandar ke bandar hendaklah mematuhi had ekuiti yang ditetapkan seperti di perenggan 2.5(a).
(c)	Perubahan Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham	i. Pemegang saham tidak mempunyai pegangan saham di dalam mana-mana Syarikat agensi pelancongan berlesen yang lain di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]; dan ii. Ahli Lembaga pengarah hendaklah 100% warganegara Malaysia dengan minimum 51% warga asal Sarawak [Pemegang Kad Pengenalan (K)].
(d)	Nama Syarikat	Nama Syarikat hendaklah melambangkan Syarikat menjalankan perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri bagi Program Sarawak Malaysia My Second Home (SMM2H) atau perniagaan agensi pengembaraan bagi perubahan status melibatkan nama syarikat. Contoh: ABC (SMM2H) Sdn. Bhd.

2.6 Syarikat yang beroperasi kurang dari 2 tahun tidak dibenarkan membuat perubahan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham kecuali atas sebab-sebab berikut:

- a) Kematian;
- b) Kebankrapan;
- c) Migrasi keluar negara;
- d) Sakit kronik berserta surat pengesahan doktor (bukan laporan kesihatan); dan
- e) Perkara-perkara lain yang munasabah pada pandangan Pesuruhjaya Pelancongan.

3.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

3.1 Perubahan status modal berbayar.

- a) Permohonan perubahan modal berbayar berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- b) Maklumat SSM yang terkini;
- c) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di Lampiran A; dan
- d) Salinan asal Lesen Perniagaan Pengendalian Dalam Negeri Bagi Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H) yang masih sah dalam tempoh 60 hari.

3.2 Perubahan status pemegang saham.

- a) Permohonan perubahan pemegang saham berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- b) Jika melibatkan penyertaan penama baru, kemukakan dokumen seperti yang berikut:
 - i. Sekiranya penama baru itu individu, kemukakan salinan MyKad [Pemegang Kad Pengenalan (K)];
 - ii. Sekiranya penama baru itu syarikat tempatan, kemukakan maklumat SSM cetakan terkini.
- c) Maklumat SSM yang terkini; dan
- d) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di Lampiran A.

3.3 Perubahan status Ahli Lembaga Pengarah:

- a) Permohonan Perubahan Ahli Lembaga Pengarah berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- b) Jika melibatkan penyertaan penama baru, kemukakan salinan MyKad [Pemegang Kad Pengenalan (K)];
- c) Maklumat SSM yang terkini; dan
- d) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di Lampiran A.

3.4 Perubahan status nama syarikat:

- a) Permohonan Perubahan Nama Syarikat berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;

- b) Maklumat SSM yang terkini; dan
- c) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di Lampiran A.

3.5 Perubahan lokasi premis perniagaan:

- a) Permohonan Perubahan Lokasi Perniagaan berserta justifikasi dan perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan;
- b) Salinan perjanjian sewaan premis yang ditandatangani oleh pemilik syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa atau salinan perjanjian jual beli premis jika premis adalah milik syarikat/ ahli lembaga pengarah atau pemegang saham;
- c) Maklumat SSM yang terkini;
- d) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di Lampiran A; dan
- e) Pemeriksaan premis secara fizikal.

4.0 PERMOHONAN SELEPAS PERUBAHAN DIBUAT

- 4.1 Kegagalan mendapatkan kelulusan daripada Setiausaha Tetap MTCP sebelum perubahan dibuat boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil terhadap syarikat.

5.0 TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan hendaklah dikemukakan secara fizikal berserta semua dokumen sokongan yang lengkap kepada Unit Pelesenan SMM2H, MTCP sehingga sistem permohonan secara atas talian dikuatkuasakan.

6.0 FI PEMPROSESAN

TIADA

7.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 7.1 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat dan e-mel sehingga sistem permohonan secara atas talian berkuat kuasa.

8.0 TINDAKAN SYARIKAT SELEPAS KEPUTUSAN

8.1 Bagi permohonan yang DILULUSKAN:

Syarikat hendaklah:

- a) mengemukakan salinan maklumat SSM yang terkini dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat keputusan dikeluarkan; dan
- b) menjelaskan kompaun (jika berkaitan).

8.2 Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:

Syarikat yang telah membuat perubahan tanpa kelulusan hendaklah:

- a) kembali kepada struktur asal;
- b) mengemukakan salinan maklumat SSM yang terkini dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat keputusan dikeluarkan; dan
- c) menjelaskan kompaun (jika berkaitan).

9.0 PERINGATAN

- 9.1 Setiausaha Tetap MTCP boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Setiausaha Tetap MTCP maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

LAMPIRAN A

Borang BA/2

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya, No. Kad
Pengenalan. Jawatan bagi pihak
syarikat (Nama Syarikat),
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bebayar TANPA kelulusan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP) Sarawak;
- c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- d) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- e) tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- f) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja;
- g) hendaklah memastikan semua aduan terhadap syarikat diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh aduan dilaporkan;
- h) hendaklah mematuhi segala peraturan dan kriteria yang ditetapkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak;
- i) bersetuju bahawa sekiranya berlaku sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kriteria yang ditetapkan, syarikat boleh dikenakan tindakan pembatalan dan/atau penggantungan lesen;
- j) hendaklah tidak terlibat dalam apa-apa bentuk amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam semua urusan berkaitan Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen S-MM2H, bagi melindungi kepentingan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak serta pihak-pihak berkepentingannya;
- k) hendaklah tidak berpakat atau bersekongkol dengan mana-mana pihak dalam apa-apa cara yang boleh menjejaskan keputusan, ketelusan atau keadilan dalam mana-mana proses S-MM2H;

- l) hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya terdapat sebarang cubaan oleh mana-mana pihak untuk melakukan perbuatan sedemikian. Kami memahami bahawa kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]; dan
- m) memahami bahawa segala maklumat rasmi yang diperoleh sepanjang proses S-MM2H adalah hak milik Kerajaan dan tidak boleh didedahkan, diterbitkan atau disampaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, kepada mana-mana pihak dalam apa jua bentuk, kecuali bagi tujuan melaksanakan tugas-tugas rasmi dengan Kerajaan Malaysia.

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh:

Saksi

Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh:



APPLICATIONS TO CHANGE STATUS AND BUSINESS PREMISES LOCATION FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESSES UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Application for change of paid-up capital together with justification and details of proposed changes	☐	
2.	Latest SSM company information	☐	
3.	Letter of Undertaking by Company Director (Form BA/2)	☐	
4.	Copy of a valid SMM2H Domestic Tour Operating Business Licence	☐	Minimum validity period of sixty (60) days remaining.



APPLICATIONS TO CHANGE STATUS AND BUSINESS PREMISES LOCATION FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESSES UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Application for change of shareholders together with justification and details of proposed changes	☐	
2.	Copy of MyKad [Identity Card Holder (K)] for new individual shareholders	☐	
3.	Latest SSM company information	☐	
4.	Letter of Undertaking by Company Director (Form BA/2)	☐	



APPLICATIONS TO CHANGE STATUS AND BUSINESS PREMISES LOCATION FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESSES UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Application for changes to the Board of Directors together with justification and details of proposed changes	☐	
2.	Copy of MyKad [Identity Card Holder (K)] for new individual directors	☐	
3.	Latest SSM company information	☐	
4.	Letter of Undertaking by Company Director (Form BA/2)	☐	



APPLICATIONS TO CHANGE STATUS AND BUSINESS PREMISES LOCATION FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESSES UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Application for change of company name together with justification and details of proposed changes	☐	
2.	Latest SSM company information	☐	
3.	Letter of Undertaking by Company Director (Form BA/2)	☐	



APPLICATIONS TO CHANGE STATUS AND BUSINESS PREMISES LOCATION FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESSES UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Application for change of business location together with justification and details of proposed changes	☐	
2.	Copy of a valid tenancy agreement duly signed and stamped, OR Sale & Purchase Agreement (S&P)	☐	
3.	Latest SSM company information	☐	
4.	Letter of Undertaking by Company Director (Form BA/2)	☐	